12

# SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH SULTAN YUSSUF, BATU GAJAH, PERAK 1907-1957

OLEH

AZLAN AMINUDDIN

BAHAGIAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1985/86

ARKIB
rb
fAC895
M22A997

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

# SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH SULTAN YUSSUF, BATU GAJAH, PERAK, 1907 - 1957.

Oleh

AZLAN AMINUDDIN

Penyelia

DR. BADRIYAH HJ. SALLEH

Latihan Ilmiah Ini Adalah Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-syarat Pengijahzahan Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (B.A. Hons)

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1985/86

## DAFTAR KANDUNGAN


| Isi Kandungan | Muka Surat |
| --- | --- |
| Penghargaan | i |
| Prakata | iii |
| Peta Kedudukan Bandar Batu Gajah | v |
| **Bab 1.** Latarbelakang Perkembangan Pendidikan Inggeris Di Perak 1890 - 1907 | 1 |
| **Bab 2.** Penubuhan English School, Batu Gajah, Perak Dan Perkembangannya 1907 - 1910 | 15 |
| **Bab 3.** Perkembangan Government English School, Batu Gajah Perak, 1911 - 1942 | 35 |
| **Bab 4.** Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf 1942 - 1957 | 62 |
| **Bab 5.** Kesimpulan | 89 |
| Bibliografi | 93 |
| Lampiran | |
| Lampiran A | 101 |
| Lampiran B | 102 |


Untuk,

kedua ibu bapa

dan

keluarga.

DAFTAR KANDUNGAN

Isi Kandungan — Muka Surat

Penghargaan — i

Prakata — iii

Peta Kedudukan Bandar Batu Gajah — v

Bab 1.
Latarbelakang Perkembangan Pendidikan Inggeris Di Perak 1890 - 1907 .......... 1

Bab 2.
Penubuhan English School, Batu Gajah, Perak Dan Perkembangannya 1907 - 1910 .......... 15

Bab 3.
Perkembangan Government English School, Batu Gajah Perak, 1911 - 1942 .......... 35

Bab 4.
Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf 1942 - 1957 .......... 62

Bab 5.
Kesimpulan .......... 89

Bibliografi .......... 93

Lampiran
Lampiran A .......... 101
Lampiran B .......... 102

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Badriyah Haji Salleh kerana memberi bimbingan dan menyemak semula serta memperbaiki beberapa kelemahan yang terdapat di dalam kajian ini. Di samping itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. Paul H. Kratoska yang juga merupakan penasihat akademik yang begitu gigih memberikan nasihat-nasihat yang berguna. Kepada Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng, Prof. Madya Dr. R. Suntharalingam dan pensyarah-pensyarah lain di Bahagian Sejarah, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana mendapat manfaat dari kuliah-kuliah yang mereka berikan.

Penyelidikan untuk kajian ini dibuat dengan bantuan serta kerjasama Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Negeri Perak dan juga kakitangan Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak. Kepada pihak yang terlibat, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Ucapan penghargaan ikhlas juga saya rakamkan kepada Encik N.S. Selvamany sekeluarga yang telah sudi untuk memberi keterangan mengenai latarbelakang diri pengasas sekolah. Ucapan penghargaan juga saya rakamkan kepada individu-individu yang ditemubual bagi mendapatkan maklumat-maklumat mengenai Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak.

Kepada rakan-rakan pengkhusus Sejarah di Universiti Sains Malaysia, saya juga ingin menyatakan penghargaan ikhlas

di atas bantuan dan sokongan moral yang diberikan.

Azlan Bin Aminuddin.
Bahagian Sejarah
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
11800 Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

6 Februari 1986

PRAKATA

Latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejarah perkembangan Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak, 1907-1957. Di dalam membincangkan perkara ini, saya akan mengaitkannya dengan pengaruh-pengaruh luar seperti ekonomi, politik dan sosial yang mempengaruhi perkembangan sekolah ini.

Di dalam Bab Pertama, saya telah menggambarkan secara ringkas mengenai latarbelakang perkembangan pendidikan Inggeris di Perak 1890-1907. Perbincangan mengenai perkara ini dianggap perlu untuk memberi gambaran keadaan yang wujud sebelum penubuhan Sekolah Sultan Yussuf.

Dalam Bab Kedua, perbincangan adalah tertumpu kepada penubuhan Sekolah Sultan Yussuf pada tahun 1907. Sedikit-sebanyak akan disentuh mengenai latarbelakang pengasas sekolah. Secara tidak langsung ia dapat memberi gambaran mengenai peranan seorang individu untuk mengembangkan pelajaran Inggeris di kawasan Batu Gajah.

Dalam Bab Ketiga, perbincangan terus tertumpu kepada kemajuan yang dicapai oleh Sekolah Sultan Yussuf. Juga akan disentuh mengenai sambutan masyarakat tempatan terhadap pelajaran Inggeris yang ditawarkan oleh sekolah ini. Perbincangan juga akan menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah akibat dari kemelesetan ekonomi dunia.

Dalam Bab Keempat, saya telah membincangkan mengenai kedudukan sekolah ini di zaman pemerintahan Jepun dan zaman selepasnya sehingga tahun 1957. Perbincangan lebih banyak tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah terutamanya

dalam usaha untuk memulihkan sekolah selepas tamat pemerintahan Jepun. Juga akan disentuh mengenai perkembangan politik di Tanah Melayu dalam tahun 1950an yang banyak mempengaruhi dasar pelajaran dan secara langsung melibatkan juga Sekolah Sultan Yussuf.

Akhir sekali, Bab Kelima pula ialah kesimpulan kepada kajian ini.

Eloklah saya nyatakan di sini bahawa beberapa aspek tertentu di dalam Latihan Ilmiah ini tidak dapat dibuat secara lengkap dan terperinci akibat masalah tertentu. Masalah utama ialah kekurangan sumber awalan yang menyentuh mengenai sekolah Sultan Yussuf. Keadaan diburukkan lagi kerana kebanyakan fail-fail sekolah ini samada telah hilang ataupun dimusnahkan oleh pihak Jepun. Akibat dari masalah tersebut, saya akui dan sedar bahawa beberapa aspek penulisan ini tentulah tidak akan dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai sejarah sekolah ini. Dengan yang demikian saya telah mendekati tajuk ini dengan tujuan untuk memberi gambaran latarbelakang, agar penyelidik yang akan datang dapat menggunakan penulisan saya sebagai asas penyelidikan mereka.